BIL. 34 JUN 2019

Jejak Ramadan Palu bangkit keinsafan mahasis

Pengalaman sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam menghulurkan bantuan membantu m
Palu, Sulawesi Tengah, Sulawesi Indonesia tatkala umat Islam menjalani ibadah berpuasa pada 16 M
terhadap lima mahasiswa UMP.

Mereka adalah Ezwan Shah Mohd Nordin, Nurul Waheeda Abdu Rahman, Nor Adzwa Rosli, Muhamma
dengan diiringi Eksekutif Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Abdul Rahman Ahmad.

Misi kemanusiaan ini adalah anjuran Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) dengan kerjasa
Persatuan Pelajar Kejuruteraan Kimia (CHEST), Ibsan Foundation dan Bernama News Channel bersa
(YOSH) iaitu Ardell Aryana dan Nadzmi Adhwa.

Menurut Pengarah Program, Ezwan Shah yang juga Exco Kesukarelawanan dan Khidmat Komuniti M
sukarelawan terlibat termasuk mahasiswa UMP dan sasaran program ini untuk menyalurkan bantua
disampaikan kepada mangsa tsunami dan gempa bumi sekitar lokasi zon merah bencana gempa bumi d
Petobo, Desa Jono Oge dan Desa Sibalaya.

“Sukarelawan Malaysia dibantu oleh Relawan Nusantara Palu dan antara sumbangan termasuklah keleng
al-Quran untuk warga Desa Bangga, Dusun 2, Sigi yang merupakan sebuah desa yang teruk terjejas akiba

“Peralatan sekolah seperti buku, pensel, bekas pensel dan sebagainya untuk anak-anak hasil sumbangan
anak di sini,” katanya.

Selain itu, terdapat juga sumbangan barang asas yang diberikan untuk warga Desa Bangga dan Dapu
dikenali sebagai ‘sembako’ yang mengandungi minyak masak, gula, garam, beras dan sebagainya turut d
Lero dan Darul Tauhid.

Manakala hunian sementara atau ‘Huntara’ ini ditempatkan di lereng bukit yang jauh dari laut untuk
menjadi mangsa tsunami.

Di sini semua sukarelawan dari Malaysia dan relawan Indonesia dapat beramah mesra bersama warga
anak-anak.

Bagi sukarelawan UMP, Nurul Waheeda berkata, mereka juga mengadakan program bersama anak-anak
dan aktiviti pembelajaran menggunakan modul akademik yang sesuai memandangkan kanak-kanak di sa
aktiviti berbuka puasa bersama masyarakat Palu.

Sementara itu menurut sukarelawan Nor Adzwa Rosli pula, pihaknya juga telah melakukan aktiviti trauma
sekolah bagi menghilangkan trauma anak-anak di sana akibat bencana yang dihadapi.

“Jelas terpancar keseronokan anak-anak menyambut ketibaan sukarelawan Malaysia dan mereka tetap
dengan kesukaran akibat kekurangan kemudahan,” katanya.

Manakala bagi Muhammad Zulhazmi Zakaria dan Nurdiana Wirman kedua-duanya bersyukur terpilih
menerapkan sikap kesukarelawan dalam diri setiap peserta serta melahirkan keinsafan atas kebesaran Al
berdepan dengan musibah serta bencana apatah lagi buat pertama kalinya mereka menyambut Ramadan

Pihaknya juga merakamkan penghargaan terima kasih buat pengurusan UMP terutamanya pihak JHE
dalammenjayakan Misi Kemanusiaan Palu kali ini.

Apa yang pastinya ianya menggamit kenangan buat mahasiswa apabila menamatkan pengajian kelak.

Teknologi Penanaman Terung secara fertigasi di dalam

Dalam usaha memanfaatkan ruang kosong dalam kampus, UMP Technology Sdn. Bhd. (UMPT) yang m
Holdings Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab membantu mempergiatkan aktiviti pengkomersialan produk UM
terung secara fertigasi di UMP *Pilot Fertigation Plant* di UMP Kampus Gambang.

Kajian dan perancangan bagi menjalankan projek ini telah bermula sejak pertengahan tahun lalu, walau ba
projek dan lain-lain hanya bermula sepenuhnya pada Januari tahun ini setelah mendapat kelulusan pihak
Sdn. Bhd.

Menurut Pengurus Besar UMPT, Dr. Nur Aainaa Syafini Mohd Radzi berkata, tapak fertigasi yang berkelu
15,000 pokok terung bagi tujuan komersial dan 1,000 pokok lagi dikhaskan bagi tujuan percubaan dan pen
yang berkaitan sehingga menjadikan jumlah keseluruhan kini sebanyak 16,000 pokok terung yang ditanam

“Pokok-pokok terung ini mulai disemai sebelum dipindahkan ke polibeg yang disediakan di tapak semaia
terung mulai dituai sejak pertengahan Mei lalu.

“Alhamdulillah, kini terung ini telah mula boleh dituai dengan hasilnya sekitar 250 hingga 350 kg setiap du
ini akan mula meningkat sehingga 1.2 ke 1.5 tan sehari bermula pertengahan Jun ini.

“Hasil ini dijangka boleh terus dituai sehingga November ini,” katanya.

Pada masa ini, hasil tuaian dijual secara terus di ladang kepada pemborong dan pasar raya berhampiran p

Tambahnya lagi, tanaman fertigasi ini bukanlah sesuatu yang asing bagi UMP.

“Malahan sebelum ini, UMP telah mengusahakan beberapa projek penanaman secara fertigasi bagi tujua
aktiviti kemasyarakatan untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat melalui projek *Facelift* D’ K

“Namun, melihat kepada potensi penggunaan sistem terkawal ini melalui aktiviti yang telah dijalankan t
pulangan lumayan, iaitu sehingga tiga atau empat kali ganda lebih tinggi berbanding kaedah pertanian k
untuk menjalankannya sendiri secara komersial di samping membuka peluang kepada produk-produk UM
komersial.

“Fertigasi adalah teknik pertanian yang memaksimumkan hasil tanaman melalui penggunaan air dan baja y

Aplikasi ini juga memastikan bahawa kesan negatif baja kepada akar, tanah dan air bawah tanah dapa
tanpa tanah seperti fertigasi yang mana substrat dan media seperti sabut kelapa atau sekam bakar diguna

Penanaman ini boleh dilakukan tanpa tanah subur dan boleh dilakukan di dalam kawasan bandar ataup
Sistem tanpa tanah juga mampu meningkatkan hasil melalui pencegahan penyakit bawaan tanah.

Selain bertindak sebagai aktiviti penjanaan pendapatan kepada syarikat milik universiti, projek perintis
mempunyai kelebihan tersendiri kerana kedudukannya yang berada di dalam kawasan kampus.

Beliau turut mengharapkan ladang fertigasi milik UMPT ini sebagai permulaan kepada penggunaan pr
bidang pertanian secara komersial, sebelum dipasarkan secara besar-besaran di pasaran terbuka.

Pihaknya juga berhasrat untuk meluaskan lagi penanaman sayuran secara fertigasi ini agar UMPT mam
segar terbesar di negeri Pahang.

Dalam pada itu, melalui projek ini juga dapat membuka peluang pekerjaan kepada mahasiswa UMP da
pendapatan mereka.

UMPT kini dalam proses untuk mengenal pasti kawasan berdekatan yang boleh dipajak kepada syarik
mendapatkan kawasan tanah yang bersesuaian bagi meluaskan lagi usaha penanaman secara fertigasi in

Dalam melaksanakan projek fertigasi ini, UMPT turut mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan P
projek dan menjalankan kolaborasi bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi tuj

Bagi mereka yang berminat untuk menjalankan aktiviti pertanian secara fertigasi ini sendiri, UMPT turut m
latihan yang bersesuaian untuk memulakan projek.

Siswazah UMP berbakti hulur sumbangan buat a

Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Postgraduate Ass
Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama-sama dengan anak-anak di Pusat Jagaan Hembusan K
Kuantan, Pahang pada 30 Mei 2019 yang lalu.

Dalam program ini, seramai 60 orang anak yatim dan kurang berkemampuan telah menerima sumb
makanan dan duit raya.

Menurut Pengarah Program, Helmi Mohamed Isa, program tahunan ini memberi peluang pihaknya bersam
penghuni di sini dalam menyemarakkan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

“Program CSR ini dapat membentuk sifat kasih sayang dan menghargai golongan yang kurang bernasib b

“Pihak IPS juga berazam agar program-program seperti ini akan terus dilaksanakan pada masa hadapan,”

Manakala menurut Pengetua Pusat Jagaan Hembusan Kasih Sayang, Mohd Uqbah, untuk menampun
terdiri daripada 29 orang lelaki dan 31 perempuan, pihaknya perlu menyewa empat buah rumah.

Oleh itu ujarnya, sumbangan dan bantuan daripada semua pihak yang sudi adalah amat dialu-alukan bagi
dapat membantu para penghuni pusat jagaan tersebut menjalani kehidupan yang lebih selesa.

Bagi yang mereka yang berhasrat untuk menghulurkan sumbangan boleh menghubungi pihak pengurusa
iaitu Ustaz Uqbah (019-517 3072) atau Puan Nazihah (019-262 5313).



- 126 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

